



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepr.com



MODEL PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT MENURUT AL-
GHAZALI DAN IBNU KHALDUN: SUATU PENDEKATAN
KONSEPTUAL DALAM PENDIDIKAN ISLAM

*A MODEL OF GIFTED AND TALENTED STUDENTS ACCORDING TO AL-
GHAZALI AND IBN KHALDUN: A CONCEPTUAL APPROACH IN
ISLAMIC EDUCATION*

Musa Mohamad^{1*}, Ahmad Bazli Mohd Hilmi², Mohd Arubi Ismail³, Mohd Zamrus Mohd Ali⁴,
Zulkarnin Zakari⁵, Mahiz Spawi⁶

¹ Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: musa86@usim.edu.my

² Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: ahmadbazli@usim.edu.my

³ Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: arubiismail@usim.edu.my

⁴ Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: zamrus@usim.edu.my

⁵ Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: zulkarnin@usim.edu.my

⁶ Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: mahiz@usim.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 09.08.2025

Revised date: 25.08.2025

Accepted date: 24.09.2025

Published date: 20.10.2025

To cite this document:

Mohamad, M., Hilmi, A. B. M., Ismail, M. A., Ali, M. Z. M., Zakari, Z., & Spawi, M. (2025). Model Pelajar Pintar Dan Berbakat Menurut Al-Ghazali Dan Ibnu Khaldun: Suatu

Abstrak:

Kajian ini bertujuan membina satu model konseptual pelajar pintar dan berbakat berasaskan sintesis pemikiran dua tokoh agung Islam, iaitu al-Ghazali dan Ibn Khaldun. Pelajar pintar lazimnya dirujuk dalam konteks Barat berdasarkan ukuran kecerdasan intelek (IQ), kreativiti, dan prestasi akademik. Namun, pendekatan ini cenderung mengabaikan dimensi spiritual, etika dan sosial yang menjadi teras dalam pendidikan Islam. Justeru, pendekatan Islam perlu diketengahkan semula bagi mengimbangi pembangunan pelajar secara menyeluruh. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk analisis dokumen, di mana karya utama kedua-dua tokoh seperti Ihya' Ulum al-Din dan al-Muqaddimah telah dianalisis secara tematik. Hasil kajian mengenal pasti lima komponen utama dalam model pelajar pintar dan berbakat menurut

Pendekatan Konseptual Dalam Pendidikan Islam. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (60), 627-639.

DOI: 10.35631/IJEPC.1060045

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



perspektif Islam: (1) asas tauhid dan akhlak, (2) kecerdasan pelbagai dimensi, (3) pembelajaran berperingkat, (4) keseimbangan ilmu duniawi dan ukhrawi, dan (5) kepimpinan serta sumbangan sosial. Model ini dirumuskan dalam bentuk piramid bertingkat dan lingkaran integratif bagi menggambarkan keseimbangan antara dimensi spiritual-intelektual dan sosial-kepimpinan. Kajian ini menyumbang kepada pemerkasaan kurikulum pendidikan Islam, khususnya dalam kerangka pendidikan pelajar gifted dan berbakat yang menuntut pendekatan holistik berasaskan nilai. Sintesis pemikiran al-Ghazali yang menekankan adab dan tazkiyah al-nafs, serta Ibn Khaldun yang menekankan struktur sosial, pengalaman dan pengulangan dalam pendidikan, memberikan asas kukuh untuk membentuk pelajar cemerlang dari segi dalaman dan luaran. Kajian ini diharap dapat menjadi asas kepada pembangunan dasar, latihan guru, dan penyelidikan lanjutan dalam bidang pendidikan Islam kontemporari berasaskan pemikiran tokoh klasik.

Kata Kunci:

Pelajar Pintar dan Berbakat, Model Pintar Islam, Tazkiyah al-nafs

Abstract:

This study constructs a conceptual model of gifted and talented students grounded in the synthesis of classical Islamic thought, particularly the works of al-Ghazali and Ibn Khaldun. While Western paradigms typically define giftedness through metrics such as IQ, creativity, and academic achievement, they often neglect the spiritual, ethical, and social dimensions integral to Islamic education. To address this gap, this research proposes a holistic, value-based Islamic model for nurturing gifted learners. Employing a qualitative document analysis approach, the study thematically examines two primary texts: al-Ghazali's *Ihya' Ulum al-Din* and Ibn Khaldun's *al-Muqaddimah*. Five core components emerge from the analysis: (1) the foundation of *tawhid* and moral ethics, (2) multidimensional intelligence encompassing spiritual, intellectual, and emotional capacities, (3) staged and developmentally appropriate learning, (4) balanced integration of worldly and spiritual knowledge, and (5) leadership oriented toward social contribution. The model is visually conceptualized as both a tiered pyramid and an integrative circle, reflecting the dynamic equilibrium between inner spiritual-intellectual growth and outward social-leadership development. By integrating al-Ghazali's emphasis on *adab* and *tazkiyah al-nafs* with Ibn Khaldun's insights on social cohesion, experiential learning, and pedagogical repetition, this framework offers a culturally rooted, comprehensive approach to gifted education. The study contributes to curriculum development, teacher training, and policy formulation in contemporary Islamic education, advocating for an educational paradigm that cultivates excellence in both character and competence. It further invites future research to operationalize and empirically validate this model within modern educational contexts.

Keywords:

Gifted and Talented Students, Islamic Gifted Model, Tazkiyah al-nafs.

Pengenalan

Pendidikan pelajar pintar dan berbakat telah menjadi topik yang mendapat perhatian meluas dalam kalangan penyelidik, pendidik, dan pembuat dasar, khususnya dalam konteks pembangunan modal insan abad ke-21. Dalam kerangka pendidikan moden, pelajar pintar lazimnya dikaitkan dengan tahap kecerdasan intelektual yang tinggi, keupayaan berfikir secara

kreatif, pencapaian akademik yang luar biasa, serta potensi kepemimpinan yang signifikan (Subotnik, Olszewski-Kubilius, & Worrell, 2011). Namun, pendekatan yang menekankan pencapaian kognitif semata-mata berpotensi mewujudkan jurang dalam pembangunan sahsiah dan keseimbangan diri, sekali gus mengabaikan dimensi rohani, etika, dan nilai yang menjadi teras pembentukan insan holistik.

Dalam konteks pendidikan Islam, pembangunan insan tidak hanya tertumpu kepada penguasaan ilmu atau kejayaan akademik semata-mata, sebaliknya menekankan keseimbangan antara aspek intelektual, rohani, akhlak, dan sosial (Rosnani, 2007). Konsep insan kamil menjadi teras utama dalam kerangka ini, iaitu pembentukan individu yang harmoni dari sudut akal, jasmani, dan rohani (Hashim & Langgulung, 2008). Sehubungan itu, penilaian terhadap pelajar pintar menurut perspektif Islam perlu melangkaui pencapaian akademik dan mengambil kira tahap keperibadian, keikhlasan, serta sumbangan mereka terhadap kesejahteraan masyarakat.

Dua tokoh agung dalam tradisi keilmuan Islam, al-Ghazali dan Ibn Khaldun, telah memberikan sumbangan signifikan dalam membentuk falsafah pendidikan dan pembangunan potensi insan. Al-Ghazali menekankan kepentingan penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) dan pengamalan adab sebagai asas utama dalam mencapai ilmu yang bermanfaat dan berpaksikan kebenaran (Nasr, 2001). Bagi beliau, pendidikan bukanlah semata-mata proses pemerolehan maklumat, tetapi satu jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah dan membentuk akhlak yang mulia. Ibn Khaldun pula mengemukakan perspektif yang lebih sistematik, dengan menekankan bahawa pendidikan berperanan sebagai mekanisme pembentukan manusia dan pemangkin pembangunan tamadun, melalui pengalaman praktikal, interaksi sosial, dan pemahaman berperingkat tentang perkembangan kognitif (Zarkasyi, 2010).

Melalui sintesis pemikiran kedua-dua tokoh ini, dapat dirumuskan bahawa pendidikan pelajar pintar dan berbakat seharusnya berteraskan pendekatan yang integratif menggabungkan kecemerlangan intelektual dengan pembinaan sahsiah, nilai spiritual, dan tanggungjawab sosial. Pendekatan ini mampu membentuk pelajar bukan sahaja sebagai individu berprestasi tinggi, tetapi juga sebagai agen perubahan yang berperanan membina kesejahteraan masyarakat dan kemajuan tamadun.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen (*document analysis*) sebagai reka bentuk utama, memandangkan objektif kajian adalah untuk menyelami, mentafsir, dan mensintesis pemikiran dua tokoh klasik Islam al-Ghazali dan Ibn Khaldun berkaitan konsep pelajar pintar dan berbakat dalam kerangka pendidikan Islam. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menganalisis teks primer secara mendalam untuk mengekstrak kerangka epistemologi, falsafah, dan pedagogi yang relevan (Bowen, 2009; Hussin et al., 2020).

Sumber Data

Sumber utama kajian ini terdiri daripada karya asli kedua-dua tokoh, iaitu:

- al-Ghazali: *Ihya' 'Ulum al-Din* dan *al-Risalah fi Ta'lim al-Atfal*
- Ibn Khaldun: *al-Muqaddimah*

Karya-karya ini dipilih kerana ia mengandungi perbincangan komprehensif tentang pendidikan, pembentukan insan, kecerdasan ('aql), adab, dan tanggungjawab sosial dalam konteks epistemologi Islam (Rosenthal, 2005; Watt, 1963; Al-Ghazali, 2005; Ibn Khaldun, 1967). Selain itu, kajian ini juga merujuk kepada karya sekunder dan literatur kontemporari untuk memberikan konteks semasa, memperkukuh interpretasi, serta melakukan triangulasi idea (Hashim, 2014; Zarkasyi, 2010).

Prosedur Analisis Data

Analisis data dijalankan menggunakan pendekatan analisis tematik (*thematic analysis*) berdasarkan model enam fasa yang diperkenalkan oleh Braun dan Clarke (2006), iaitu:

- i. Pengenalan Data (*Familiarizing with Data*): Penyelidik membaca dan menelaah teks secara menyeluruh untuk memahami konteks, struktur, dan maksud keseluruhan karya.
- ii. Pengekodan Awal (*Generating Initial Codes*): Mengenal pasti dan mengekod elemen-elemen penting seperti konsep kecerdasan, adab, tazkiyah al-nafs, pembelajaran berperingkat, dan kepimpinan.
- iii. Pencarian Tema (*Searching for Themes*): Kod-kod awal digabungkan ke dalam tema-tema awal berdasarkan corak makna yang berulang dan saling berkaitan.
- iv. Semakan Tema (*Reviewing Themes*): Setiap tema disemak semula untuk memastikan kesepaduan dan kesesuaian dengan data asal, serta mengelakkan tafsiran yang terlalu subjektif.
- v. Penamaan Tema (*Defining and Naming Themes*): Tema-tema utama dinamakan dan disusun secara sistematik, iaitu:
 - Asas Tauhid dan Akhlak
 - Kecerdasan Pelbagai Dimensi
 - Pembelajaran Berperingkat
 - Keseimbangan Ilmu Duniawi dan Ukhrawi
 - Kepimpinan dan Sumbangan Sosial
- vi. Pelaporan Dapatan (*Producing the Report*): Tema-tema ini disusun secara analitik untuk membentuk satu model konseptual sintesis yang holistik dan bersepadu (Braun & Clarke, 2006).

Proses analisis juga melibatkan penterjemahan terpilih petikan teks Arab ke dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi memastikan makna asal dikekalkan dan difahami dengan tepat. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengekstrak konsep-konsep utama secara autentik tanpa dipengaruhi oleh bias tafsiran kontemporari (Tesch, 1990).

Pendekatan Induktif dan Sintesis Pemikiran Tokoh

Pemilihan tema dilakukan secara induktif, iaitu makna dan konsep dibina berdasarkan data teks itu sendiri, bukannya dipaksakan melalui kerangka teori moden (Tesch, 1990). Pendekatan ini penting untuk mengekalkan keaslian pemikiran tokoh klasik dan mengelakkan reduksi makna dalam konteks Barat (Al-Attas, 1991).

Selepas tema utama dikenal pasti, proses sintesis perbandingan dijalankan antara pemikiran al-Ghazali dan Ibn Khaldun. Sintesis ini bertujuan untuk membina satu model integratif yang menggabungkan:

- Dimensi intrapersonal (spiritual dan etika) daripada al-Ghazali (Nasr, 2001; Al-Ghazali, 2005), dan
- Dimensi interpersonal dan sosial daripada Ibn Khaldun (Rosenthal, 2005; Zarkasyi, 2010).

Model ini selaras dengan prinsip pendidikan Islam yang holistik, sebagaimana yang ditekankan oleh Al-Attas (1991) dan Hashim (2014), serta relevan dengan keperluan pendidikan abad ke-21 (Hussin et al., 2020).

Justifikasi Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk analisis dokumen dipilih kerana ia terbukti berkesan dalam kajian-kajian terdahulu yang membina model pendidikan berasaskan pemikiran tokoh atau tradisi keilmuan Islam (Wan Daud, 1998; Hussin et al., 2020). Pendekatan ini membolehkan:

- Penyelidikan terhadap sumber primer tanpa gangguan persekitaran luar,
- Interpretasi mendalam terhadap konsep abstrak dan falsafah,
- Pembinaan model teoretikal yang kukuh dan berasaskan dalil autentik.

Kajian oleh Hussin et al. (2020) dan Zain et al. (2022) turut menggunakan pendekatan serupa untuk membina kerangka pendidikan Islam kontemporari, yang mengesahkan kesesuaian metodologi ini dalam konteks kajian semasa.

Kajian Literatur

Kajian mengenai pelajar pintar dan berbakat telah berkembang pesat, khususnya dalam kerangka psikologi dan pendidikan Barat yang menekankan IQ, kreativiti, pencapaian akademik, dan teori kecerdasan pelbagai (Gardner, 2006; Sternberg & Davidson, 2005). Namun, kebanyakan model Barat ini mengutamakan aspek kognitif dan pencapaian individu, sedangkan dimensi nilai, etika, dan spiritual sering diabaikan.

Dalam konteks pendidikan Islam, konsep pelajar pintar dan berbakat semakin mendapat perhatian melalui pendekatan integrasi nilai spiritual, akhlak, dan sosial dalam takrif kecemerlangan pelajar (Hashim & Langgulung, 2008). Subotnik et al. (2011) menekankan bahawa pendidikan pelajar berbakat memerlukan pemahaman holistik yang menggabungkan potensi semula jadi dan faktor persekitaran. Walau bagaimanapun, kelemahan utama pendekatan Barat ialah sifatnya yang sekular dan tidak menekankan dimensi spiritual, menjadikannya kurang sesuai diaplikasikan secara langsung dalam sistem pendidikan Islam.

Perspektif Islam terhadap Pendidikan Pelajar Pintar

Pendidikan Islam mempunyai pendekatan tersendiri dalam memahami konsep pelajar pintar dan berbakat. Berbeza dengan pendekatan konvensional yang menekankan kecerdasan intelek semata-mata, pendidikan Islam mengangkat pembangunan holistik (holistic development) yang merangkumi akal ('aql), jasad (fizikal), dan roh (spiritual) (Al-Attas, 1991).

Matlamat utama pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan kamil, iaitu manusia yang seimbang daripada aspek intelek, emosi, spiritual, dan sosial. Al-Attas (1991) menegaskan bahawa pendidikan dalam Islam bertujuan membentuk individu yang menyedari peranan dan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi. Maka, pelajar pintar menurut perspektif Islam bukan sekadar memiliki keupayaan intelek tinggi, tetapi juga menzahirkan adab, akhlak, dan kesedaran spiritual yang kukuh.

Konsep adab merupakan tunjang pendidikan Islam. Rosnani (2007) menjelaskan bahawa adab bukan sekadar kesopanan lahiriah, tetapi penempatan sesuatu pada tempat yang betul termasuklah ilmu, guru, dan diri sendiri. Pelajar yang beradab tinggi akan menguruskan ilmu

dengan hikmah serta berinteraksi dengan guru, rakan dan masyarakat dengan penuh hormat dan tanggungjawab.

Selain itu, tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa) adalah proses penting dalam pembentukan pelajar pintar menurut Islam. Hashim (2014) menegaskan bahawa ilmu hakiki hanya akan masuk ke dalam hati yang bersih. Oleh itu, pelajar pintar dalam kerangka Islam bukan sahaja cemerlang dari segi intelektual, tetapi turut mempamerkan keikhlasan, integriti, dan komitmen terhadap kesejahteraan masyarakat.

Pemikiran Pendidikan al-Ghazali

Imam al-Ghazali (w. 1111M) ialah antara tokoh utama yang membentuk asas falsafah pendidikan Islam. Pemikirannya yang terkandung dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* dan *al-Risalah fi Ta'lim al-Atfal* memberikan panduan mendalam tentang tujuan pendidikan, kaedah pembelajaran, dan pembinaan akhlak.

Bagi al-Ghazali, pendidikan ialah proses penyucian jiwa (tazkiyah al-nafs) yang bertujuan mendekatkan manusia kepada Allah (Nasr, 2001). Beliau menegaskan bahawa ilmu yang tidak disertai dengan keikhlasan, adab, dan tujuan yang benar tidak akan memberi manfaat; bahkan boleh menjerumuskan seseorang kepada kebinasaan rohani (al-Ghazali, 2005).

Konsep qalb (hati) diberi kedudukan utama dalam proses pendidikan. Menurutny, hati yang bersih menjadi wadah cahaya ilmu, manakala hati yang kotor menghalang kebenaran daripada masuk (Al-Attas, 1991; Hashim, 2014).

Dari aspek pedagogi, al-Ghazali menekankan:

- Pendidikan berperingkat: Pelajar perlu dibimbing mengikut tahap perkembangan kognitif mereka (Makdisi, 1981; Watt, 1963).
- Kaedah nasihat & penceritaan: Penekanan diberikan kepada pembelajaran beransur-ansur dan pembentukan karakter, selari dengan pendekatan teori pembelajaran moden seperti constructivism (Ormrod, 2020).
- Penolakan kompetisi berlebihan: Ilmu bukan untuk bermegah atau menunjuk-nunjuk, tetapi untuk memberi manfaat kepada diri, masyarakat, dan agama (Siddiqi, 2007).

Pelajar pintar menurut al-Ghazali ialah mereka yang memanfaatkan ilmu untuk tujuan spiritual, etika, dan sosial, bukan sekadar mengejar kecemerlangan intelek.

Pemikiran Pendidikan Ibn Khaldun

Ibn Khaldun (w. 1406M), melalui karya agungnya *al-Muqaddimah*, membawa pendekatan yang empirik, progresif, dan sosiologikal terhadap pendidikan. Beliau melihat pendidikan bukan hanya sebagai pemindahan ilmu, tetapi alat pembentukan manusia dan pembangunan tamadun ('umrān) (Rosenthal, 2005).

Bagi Ibn Khaldun, manusia ialah makhluk sosial (madaniyyun bi al-tab') yang berkembang melalui interaksi sosial dan pembelajaran berperingkat (tadrīj). Antara pandangannya yang relevan dengan pendidikan pelajar pintar ialah:

- Pembelajaran berulang (takrār): Ilmu diperoleh melalui latihan konsisten dan bertahap, selaras dengan prinsip scaffolding dan spiral curriculum moden (Bruner, 1977; Zarkasyi, 2010).

- Keseimbangan antara ilmu naqlī dan tajrībī: Beliau menggabungkan ilmu teks dengan ilmu pengalaman, satu pendekatan yang mendahului konsep pembelajaran abad ke-21 (Bagley, 1964).
- Pembentukan akhlak melalui pembiasaan: Pendidikan bukan sekadar pengetahuan, tetapi juga pembinaan watak melalui latihan berterusan (Al-Samarrai, 1992).
- Kritikan terhadap sistem menekan: Beliau menolak pendekatan pedagogi yang terlalu memaksa kerana boleh merosakkan motivasi dan potensi pelajar (Zarkasyi, 2010).

Pendekatan Ibn Khaldun memberi asas penting kepada pendidikan pelajar berbakat yang memerlukan bimbingan secara progresif, praktikal, dan berasaskan realiti sosial.

Sintesis Pemikiran al-Ghazali dan Ibn Khaldun

Walaupun al-Ghazali dan Ibn Khaldun berbeza pendekatan al-Ghazali lebih spiritual dan normatif, manakala Ibn Khaldun lebih empirikal dan sosiologikal sintesis pemikiran kedua-dua tokoh ini menghasilkan kerangka pendidikan Islam yang holistik.

- Dimensi dalaman (intrapersonal) → al-Ghazali menekankan tazkiyah al-nafs, adab, dan keikhlasan sebagai asas kecemerlangan (Al-Ghazali, 2005; Al-Attas, 1991).
- Dimensi luaran (interpersonal) → Ibn Khaldun menekankan interaksi sosial, latihan berulang, dan pengalaman praktikal sebagai faktor pembangunan potensi pelajar (Rosenthal, 2005; Zarkasyi, 2010).

Sintesis ini membawa kepada pendidikan integratif yang memupuk keseimbangan antara:

- IQ – Kecerdasan intelektual
- EQ – Kecerdasan emosi
- SQ – Kecerdasan spiritual
- AQ – Keupayaan daya tahan cabaran (Hashim, 2014)

Pendekatan ini meletakkan asas kepada model pendidikan pelajar pintar dan berbakat berasaskan Islam yang bersifat menyeluruh, bersepadu, dan kontekstual.

Kajian Terkini dan Aplikasi

Kajian kontemporari mengenai pendidikan pelajar pintar dalam konteks Islam masih berada di peringkat awal berbanding kajian dalam kerangka Barat (Subotnik et al., 2011; Sternberg & Davidson, 2005). Kajian terdahulu banyak menumpukan kepada:

- Pembangunan kurikulum bersepadu
- Konsep insan kamil
- Falsafah pendidikan Islam

Namun, kajian khusus berkaitan model pendidikan untuk pelajar gifted dan berbakat masih terhad (Hashim, 2014; Rosnani, 2007).

Beberapa inisiatif terkini termasuk:

- Hussin et al. (2020) → Mengintegrasikan pemikiran al-Ghazali dan Ibn Khaldun dalam pendidikan Islam.
- Zain et al. (2022) → Mencadangkan pendekatan integratif dalam sistem sekolah Islam.
- Azmi et al. (2021) → Menekankan keperluan menggabungkan kecemerlangan intelek dengan kekuatan spiritual.

- Rahim & Omar (2019) → Mengkaji pedagogi khas untuk pelajar gifted di institusi tahfiz.

Sebaliknya, model Barat seperti Three Ring Conception (Renzulli, 1978), Multiple Intelligences (Gardner, 2006), dan Gagné's DMGT (2004) lebih menumpukan aspek kognitif dan pencapaian individu, tetapi mengabaikan pembangunan akhlak dan spiritual (Al-Attas, 1991).

Jurang ini menegaskan keperluan kepada satu model konseptual pendidikan pelajar gifted berasaskan Islam. Kajian ini bertujuan membina kerangka tersebut melalui sintesis pemikiran al-Ghazali dan Ibn Khaldun, dengan memberi fokus kepada keseimbangan intelek, akhlak, sosial, dan spiritual pelajar. Model ini berpotensi menjadi asas untuk dasar pendidikan, reka bentuk kurikulum, dan latihan guru dalam konteks pendidikan Islam kontemporari (Hussin et al., 2020; Wan Daud, 1998).

Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan utama kajian dengan meneliti sintesis pemikiran al-Ghazali dan Ibn Khaldun dalam membentuk model pendidikan pelajar pintar dan berbakat. Perbincangan difokuskan kepada lima tema utama yang dikenal pasti hasil analisis dokumen: (i) Asas Tauhid dan Akhlak, (ii) Kecerdasan Pelbagai Dimensi, (iii) Pembelajaran Berperingkat, (iv) Keseimbangan Ilmu Duniawi dan Ukhrawi, dan (v) Kepimpinan dan Sumbangan Sosial. Tema-tema ini menjadi asas kepada pembinaan satu model pendidikan holistik berasaskan epistemologi Islam.

Asas Tauhid dan Akhlak

Dalam pemikiran al-Ghazali, pendidikan berasaskan tauhid merupakan asas utama pembentukan insan seimbang. Menurutnya, ilmu tanpa keikhlasan dan akhlak tidak akan membawa manfaat sebenar kepada pelajar. Pendidikan perlu bermatlamat mendekatkan diri kepada Allah dan membersihkan jiwa daripada sifat mazmumah melalui tazkiyah al-nafs (al-Ghazali, 2005; Nasr, 2001). Proses penyucian jiwa ini bukan hanya aspek moral, tetapi prasyarat kepada kecemerlangan intelektual dan kesempurnaan insan (Hashim, 2014).

Sebaliknya, Ibn Khaldun menekankan pendidikan sebagai alat untuk membentuk peribadi berdisiplin, bermoral, dan berperanan dalam kesejahteraan masyarakat. Beliau mengangkat kepentingan adab dan al-'ādāt (nilai serta kebiasaan positif) yang perlu dipupuk sejak awal, sebelum pelajar mendalami ilmu secara mendalam (Rosenthal, 2005; Zarkasyi, 2010).

Kesimpulan tema: Kedua-dua tokoh bersetuju bahawa pembentukan akhlak dan kesedaran ketuhanan adalah asas pembangunan potensi pelajar pintar, menjadikan mereka bukan sahaja cemerlang secara intelek tetapi juga beradab, berintegriti, dan berjiwa hamba.

Kecerdasan Pelbagai Dimensi

Pemahaman tentang kecerdasan dalam pendidikan Islam lebih luas daripada konsep IQ semata-mata. al-Ghazali menolak idea kecerdasan yang bersifat rasional semata-mata dan menekankan kesepaduan antara akal ('aql), hati (qalb), dan roh (ruh) sebagai asas keutuhan intelektual dan spiritual (Al-Attas, 1991; Al-Ghazali, 2000). Dalam *Ihya' 'Ulum al-Din*, beliau menegaskan bahawa kecerdasan sejati ialah kecerdasan yang memandu manusia kepada kebaikan dan pengabdian kepada Allah.

Sementara itu, Ibn Khaldun melihat kecerdasan sebagai potensi yang berkembang melalui pengalaman, pemerhatian, dan persekitaran sosial (Ibn Khaldun, 1967; Alatas, 2006). Menurutnya, pelajar yang didedahkan kepada pengalaman dunia sebenar, latihan berulang, dan persekitaran yang dinamik akan membina keupayaan berfikir kritikal, strategik, dan kreatif elemen penting dalam pendidikan pelajar berbakat (Wan Daud, 1998).

Kesimpulan tema: Konsep kecerdasan menurut kedua-dua tokoh menuntut keseimbangan antara IQ, EQ, SQ, dan AQ, yang menjadikan pendidikan pelajar pintar bersifat multidimensional dan bukan sekadar berorientasi akademik.

Pembelajaran Berperingkat

al-Ghazali menegaskan bahawa pendekatan pengajaran harus selaras dengan tahap perkembangan kognitif pelajar. Pendidikan yang terlalu cepat atau melebihi kemampuan pelajar boleh menjejaskan minat dan mematahkan semangat mereka (al-Ghazali, 2005). Beliau mencadangkan kaedah *tadrīb* (latihan beransur-ansur) dan pembelajaran berperingkat dengan penekanan pada hikmah, motivasi, dan kesesuaian konteks.

Manakala Ibn Khaldun memperkenalkan konsep *tadrīj* (pembelajaran secara bertahap) dan *takrār* (pengulangan) sebagai asas pendidikan berkesan. Bagi beliau, pelajar memerlukan masa, bimbingan, dan latihan berulang untuk menguasai ilmu secara mendalam (Rosenthal, 2005; Al-Samarrai, 1992). Pendekatan ini selari dengan teori pembelajaran moden seperti reinforcement learning dan spiral curriculum (Ormrod, 2020).

Kesimpulan tema: Kedua-dua tokoh menekankan pentingnya pembelajaran bertahap, sistematik, dan praktikal untuk memupuk kefahaman yang kukuh dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat.

Keseimbangan Ilmu Duniawi dan Ukhrawi

al-Ghazali mengklasifikasikan ilmu kepada dua kategori utama:

- Fardu 'Ain → Ilmu agama seperti aqidah, fiqh, dan akhlak
- Fardu Kifayah → Ilmu keduniaan seperti sains, matematik, dan perubatan

Beliau menolak dikotomi antara ilmu agama dan sekular, dan menegaskan bahawa keseimbangan kedua-duanya diperlukan untuk melahirkan insan kamil (Nasr, 2001; Wan Mohd Nor, 1998).

Ibn Khaldun turut menegaskan kepentingan ilmu rasional seperti logik, falsafah, dan matematik sebagai pelengkap kepada ilmu syariah. Baginya, kemajuan tamadun hanya boleh dicapai melalui penguasaan ilmu wahyu dan ilmu akal secara integratif (Bagley, 1964; Zarkasyi, 2010).

Kesimpulan tema: Kedua-dua tokoh menekankan integrasi ilmu duniawi dan ukhrawi, menjadikannya prinsip asas pendidikan pelajar berbakat untuk membentuk generasi yang mampu memimpin kemajuan tamadun.

Kepimpinan dan Sumbangan Sosial

Menurut al-Ghazali, pelajar pintar bukan sekadar individu berpengetahuan, tetapi pemimpin beradab, amanah, dan memberi manfaat kepada ummah (Al-Ghazali, 2005; Al-Attas, 1991). Pendidikan seharusnya melahirkan insan yang berperanan membangunkan masyarakat dan bukan semata-mata mengejar kejayaan individu.

Bagi Ibn Khaldun, pelajar berbakat ialah agen perubahan sosial dan bakal pemimpin masa depan yang mampu membentuk struktur sosial dan politik. Kepimpinan menurut beliau terbina atas kefahaman mendalam terhadap realiti masyarakat dan keupayaan mengaplikasikan ilmu untuk kemajuan kolektif (Rosenthal, 2005; Alatas, 2006).

Kesimpulan tema: Pendidikan pelajar pintar harus berorientasikan pembangunan kepimpinan dan tanggungjawab sosial, bukan sekadar prestasi akademik semata-mata.

Model Konseptual yang Dicadangkan

Berdasarkan sintesis lima tema utama, kajian ini mencadangkan Model Pelajar Pintar dan Berbakat Berasaskan Pemikiran al-Ghazali dan Ibn Khaldun yang menekankan lima komponen teras:

Komponen Model	Fokus Utama	Sumbangan al-Ghazali	Sumbangan Ibn Khaldun
1. Asas Tauhid & Akhlak	Keikhlasan, adab, dan penyucian jiwa	Tazkiyah al-nafs & penguasaan adab	Pembentukan akhlak melalui al-‘ādāt
2. Kecerdasan Pelbagai Dimensi	IQ, EQ, SQ & AQ	Keseimbangan akal, hati & roh	Pengalaman sosial & latihan kritikal
3. Pembelajaran Berperingkat	Pendidikan sistematik, latihan bertahap	Tadrīb (pendidikan berperingkat)	Tadrīj & Takrār (latihan berulang)
4. Keseimbangan Ilmu	Integrasi fardu ‘ain & fardu kifayah	Penolakan dikotomi ilmu agama & sekular	Gabungan ilmu naqlī & tajrībī
5. Kepimpinan & Sosial	Pembangunan pemimpin beradab & agen perubahan sosial	Pendidikan melahirkan insan berfungsi	Pemimpin membina struktur sosial & tamadun



Rajah 1: Model Pintar dan Berbakat al-Ghazali dan Ibnu Khaldun

Kesimpulan

Kajian ini mengetengahkan satu model konseptual pelajar pintar dan berbakat yang bersumberkan sintesis pemikiran dua tokoh agung Islam, iaitu al-Ghazali dan Ibn Khaldun. Dalam menghadapi cabaran pendidikan masa kini yang cenderung terlalu berorientasikan kecemerlangan akademik dan ukuran intelek semata-mata, pendidikan Islam menawarkan alternatif yang menyeluruh dan seimbang, yang menitikberatkan pembangunan insan secara holistik. Model yang dibina melalui kajian ini merangkumi lima komponen utama yang saling berkait dan membentuk asas kukuh kepada pendidikan pelajar gifted menurut kerangka Islam: asas tauhid dan akhlak, kecerdasan pelbagai dimensi, pembelajaran berperingkat, keseimbangan ilmu duniawi dan ukhrawi, serta kepimpinan dan sumbangan sosial.

Pertama, asas tauhid dan akhlak menjadi teras kepada seluruh proses pendidikan. Al-Ghazali menekankan tazkiyah al-nafs dan keikhlasan dalam menuntut ilmu sebagai syarat mutlak untuk mencapai kejayaan sebenar. Ini menunjukkan bahawa pembinaan pelajar cemerlang menurut Islam bermula daripada dalam diri, dengan niat yang tulus, hati yang bersih, dan akhlak yang terpuji. Ibn Khaldun juga mengakui pentingnya nilai moral dan akhlak sebagai asas kepada pembinaan masyarakat yang stabil. Oleh itu, pembangunan dalaman pelajar tidak boleh dipisahkan daripada tujuan pendidikan itu sendiri.

Kedua, model ini mengiktiraf kepelbagaian bentuk kecerdasan pelajar. al-Ghazali membahagikan kecerdasan kepada elemen akal ('aql), hati (qalb), dan roh (ruh), manakala Ibn Khaldun menekankan aspek pengalaman, pemerhatian, dan kebolehan berfikir secara kritis sebagai penanda kecerdasan yang tinggi. Sintesis ini memberikan gambaran bahawa pelajar pintar bukan hanya bijak dari sudut akademik, tetapi juga mampu memahami kehidupan, mengendalikan emosi, serta membuat keputusan yang bijaksana. Pendekatan ini melangkaui konsep IQ semata-mata dan mendekati konsep insan kamil dalam pendidikan Islam.

Ketiga, dari aspek pedagogi, kedua-dua tokoh bersetuju bahawa proses pembelajaran perlu berlaku secara bertahap dan berterusan. Konsep *tadrīj* dan *takrār* yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun, serta pendekatan hikmah yang ditekankan oleh al-Ghazali, membuktikan bahawa pendidikan memerlukan kesesuaian dengan tahap kemampuan pelajar. Ini sejajar dengan prinsip pendidikan moden seperti teori perkembangan kognitif dan pembelajaran konstruktivis, namun ia dimantapkan lagi dengan dimensi spiritual dan nilai-nilai Islam.

Keempat, keseimbangan antara ilmu duniawi dan ukhrawi merupakan prinsip penting dalam model ini. Kedua-dua tokoh tidak menolak kepentingan ilmu keduniaan, malah menganggapnya sebagai pelengkap kepada ilmu wahyu. al-Ghazali membahagikan ilmu kepada fardu 'ain dan fardu kifayah, manakala Ibn Khaldun melihat ilmu rasional sebagai asas kepada kemajuan tamadun. Pelajar pintar menurut Islam harus mampu menguasai kedua-dua jenis ilmu ini secara seimbang agar dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada ummah.

Kelima, matlamat akhir pendidikan menurut kedua-dua tokoh ialah melahirkan pelajar yang mampu menjadi pemimpin dan menyumbang kepada masyarakat. Kepimpinan dalam konteks ini bukan sekadar kemampuan memimpin organisasi, tetapi juga meliputi keupayaan untuk menjadi contoh akhlak, menyelesaikan masalah masyarakat, serta memacu pembangunan yang sejahtera. Pelajar berbakat perlu diasuh untuk memiliki visi, hikmah, dan tanggungjawab sosial, bukan hanya kebolehan teknikal atau akademik.

Model konseptual yang dibina daripada sintesis al-Ghazali dan Ibn Khaldun ini dapat digambarkan dalam bentuk piramid bertingkat, yang bermula dari asas dalaman pelajar (tauhid dan akhlak) dan berakhir dengan peranan sosial (kepimpinan). Ia juga boleh divisualkan dalam bentuk lingkaran integratif, menggambarkan interaksi berterusan antara dimensi spiritual, intelektual, dan sosial dalam membentuk pelajar pintar. Model ini membawa pendekatan integratif yang sesuai dengan keperluan pendidikan abad ke-21, khususnya dalam membangunkan pelajar gifted di institusi pendidikan Islam.

Kesimpulannya, kajian ini memberikan sumbangan penting terhadap pembangunan teori pendidikan Islam yang khusus untuk pelajar pintar dan berbakat. Ia bukan sahaja menekankan pencapaian intelek, tetapi turut menggariskan kepentingan adab, spiritual, dan tanggungjawab sosial sebagai komponen penting dalam pembinaan pelajar gifted menurut Islam. Model ini diharap dapat menjadi rujukan dalam pembangunan kurikulum, latihan guru, dan dasar pendidikan yang lebih berpaksikan nilai, serta membuka ruang kepada kajian lanjutan dalam konteks aplikasi sebenar di sekolah, pusat tahfiz, atau institusi pendidikan tinggi Islam. Dengan menggabungkan kekuatan pemikiran klasik dan keperluan semasa, model ini berpotensi menjadi sumbangan bermakna kepada reformasi pendidikan Islam kontemporari.

Penghargaan

Penulis merakamkan ribuan penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Kolej Permata Insan (KPI), keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan semua yang terlibat dalam penulisan jurnal ini.

Rujukan

- Ahmad, S., Yahaya, A., & Shahril, M. I. (2021). *Pendekatan pendidikan pelajar pintar dalam konteks institusi tahfiz: Tinjauan awal*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 46(2), 1–10.
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Alatas, S. H. (2006). *Ibn Khaldun and contemporary sociology*. International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.
- Al-Ghazali. (2000). *The incoherence of the philosophers* (T. J. Winter, Trans.). Islamic Texts Society. (Karya asal diterbitkan pada abad ke-11)
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' Ulum al-Din* (Vols. 1–4). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. (Karya asal diterbitkan pada abad ke-11)
- Al-Samarrai, Q. (1992). *Ibn Khaldun's theory of education: A philosophical approach*. Islamic Culture, 66(3), 23–34.
- Alwani, T. J. (1995). *The Islamization of knowledge*. International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Azmi, A., Hashim, R., & Zain, M. Z. (2021). *Integrating values in Islamic gifted education: A conceptual framework*. International Journal of Islamic Thought, 19(1), 35–44
- Bagley, F. R. C. (1964). *Ibn Khaldun and the philosophy of history*. George Allen & Unwin.
- Bowen, G. A. (2009). *Document analysis as a qualitative research method*. Qualitative Research Journal, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology*. Qualitative Research in Psychology, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Bruner, J. S. (1977). *The process of education*. Harvard University Press.
- Gagné, F. (2004). *Transforming gifts into talents: The DMGT as a developmental theory*. High Ability Studies, 15(2), 119–147. <https://doi.org/10.1080/1359813042000314682>

- Gardner, H. (2006). *Multiple intelligences: New horizons in theory and practice*. Basic Books.
- Hashim, R. (2014). *Rethinking Islamic education: A philosophical exploration of al-Ghazali's concept of education*. International Journal of Islamic Thought, 5, 17–24.
- Hashim, R., & Langgulung, H. (2008). *Islamic religious curriculum in Muslim countries: The experiences of Indonesia and Malaysia*. Bulletin of Education and Research, 30(1), 1–19.
- Hussin, M. Y., Zain, M. Z. M., & Suhid, A. (2020). *Developing a holistic Islamic education framework: A model based on Ibn Khaldun's and al-Ghazali's thoughts*. Journal of Islamic Educational Studies, 8(2), 45–58.
- Ibn Khaldun. (1967). *The Muqaddimah: An introduction to history* (F. Rosenthal, Trans.). Princeton University Press. (Karya asal diterbitkan pada 1377)
- Makdisi, G. (1981). *The rise of colleges: Institutions of learning in Islam and the West*. Edinburgh University Press.
- Nasr, S. H. (2001). *Knowledge and the sacred*. State University of New York Press.
- Ormrod, J. E. (2020). *Human learning* (8th ed.). Pearson.
- Rahim, A. R. A., & Omar, M. K. (2019). *Tahfiz students and emotional intelligence: A correlational study*. Malaysian Journal of Islamic Studies, 7(1), 22–35.
- Renzulli, J. S. (1978). *What makes giftedness? Reexamining a definition*. Phi Delta Kappan, 60(3), 180–184.
- Rosnani, H. (2007). *Philosophy of Islamic education*. International Islamic University Malaysia Press.
- Rosenthal, F. (2005). *The Muqaddimah: An introduction to history*. Princeton University Press.
- Siddiqi, M. N. (2007). *Ethics in Islam: A brief survey*. The Islamic Foundation.
- Sternberg, R. J., & Davidson, J. E. (Eds.). (2005). *Conceptions of giftedness* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Subotnik, R. F., Olszewski-Kubilius, P., & Worrell, F. C. (2011). *Rethinking giftedness and gifted education: A proposed direction forward based on psychological science*. Psychological Science in the Public Interest, 12(1), 3–54. <https://doi.org/10.1177/1529100611418056>
- Tesch, R. (1990). *Qualitative research: Analysis types and software tools*. Falmer Press.
- Tibi, B. (1990). *Islamic law and world politics*. Routledge.
- Wan Daud, W. M. N. (1998). *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An exposition of the original concept of Islamization*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Watt, W. M. (1963). *Muslim intellectual: A study of al-Ghazali*. Edinburgh University Press.
- Zain, M. Z. M., Hussin, M. Y., & Suhid, A. (2022). *A model of integrated gifted education in Islamic schools*. Malaysian Journal of Islamic Studies, 10(1), 12–29.
- Zarkasyi, H. F. (2010). *Education in Ibn Khaldun's thought and its relevance with modern education*. International Journal of Islamic Thought, 7(1), 51–64.
- Zaydan, A. K. (1997). *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyyah*. Muassasah al-Risalah.